

Siri Jelajah Komuniti Borneo

# KAMPUNG SALAK



Uni  
DS  
597  
365  
S525  
2019

Siri Jelajah Komuniti Borneo

# KAMPUNG SALAK

HADIAH

P. KHIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK  
UNIMAS



Siri ~~...~~ 1000271893 Institut Borneo

# KAMPUNG SALAK

Institut Pengajian Borneo  
Universiti Malaysia Sarawak

b286998

© UNIMAS PUBLISHER, 2019

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in retrieval system, or transmitted, in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without the prior permission of the publisher.

Diterbitkan oleh

UNIMAS Publisher,  
Universiti Malaysia Sarawak,  
94300 Kota Samarahan,  
Sarawak, Malaysia.

Dicetak di Malaysia oleh

Heng Sing Brothers Press,  
No.37, Lot 75, Section 63, 1st Floor,  
Jalan Chan Bee Kiew,  
94300 Kuching,  
Sarawak, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Cataloguing-in-Publication Data

Shahren Ahmad Zaidi Adruce, Professor, Dr.

KAMPUNG SALAK / PENGARANG: SHAHREN AHMAD ZAIDI ADRUCE, ABG MOHD HEIKAL B ABG OTHMAN, NUR ADILA BINTI LATIF, DAYANG SITI AISAH BT ABANG SUHAILI, DONALD ANAK STEPHEN, ALEXANDRA NASTASSIA JOHN. (Siri Jelajah Komuniti Borneo) ISBN 978-967-2008-54-5


1. Government publications--Malaysia.
  2. Kampung Salak (Sarawak, Malaysia)--Social life and customs.
  3. Kampung Salak (Sarawak, Malaysia)--Social conditions. 4. Sarawak--Social life and customs.
  5. Sarawak--Social conditions.
  6. Sarawak--Economic conditions. I. Abang Mohd Heikal Abang Othman. II. Nur Adila Latif.
- III. Dayang Siti Aisah Abang Suhaili, IV. Donald Anak Stephen.  
V. John, Alexandra Natassia. VI. Judul.
- 305.89923095952211

VN  
DS

597.365

5525

2019



Pemandangan menghampiri Kampung Salak,

# PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani

Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Sehati Sejiwa.

Bersyukur saya ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana dengan limpah kurnia-Nya, akhirnya pihak Institut Pengajian Borneo (IPB), Universiti Malaysia Sarawak telah berjaya menghasilkan buku bergambar komuniti yang dikenali sebagai Siri Jelajah Borneo. Syabas dan tahniah saya ucapkan!

Penghasilan buku bergambar Siri Jelajah Komuniti Borneo ini merupakan satu lagi inisiatif pihak IPB, UNIMAS dalam pembangunan untuk menghasilkan laporan penyelidikan ringkas, agar dapat menyumbang kepada penambahbaikan prasarana kampung, agar dapat dinikmati oleh penduduk kampung.

Di samping itu, dengan adanya buku bergambar ini, ia akan membantu dalam mempromosikan adat resam penduduk kampung yang terdiri daripada berbilang etnik yang unik, khususnya di Negeri Sarawak yang indah permai ini.

Selain itu, Siri Jelajah Komuniti Borneo ini juga secara tidak langsung membantu percambahan ekonomi setempat penduduk, dengan mempromosi serta memperkenalkan hasil kraftangan, makanan dan perkhidmatan yang disediakan oleh komuniti setempat kepada seluruh dunia.

Kampung Salak mempunyai banyak tarikan seperti memerhati ikan lumba-lumba, kembara bot waktu malam dan inap desa bagi mereka yang ingin merasai suasana kehidupan di kampung. Dengan adanya teknologi seperti internet, perkhidmatan dapat diiklankan oleh penduduk kampung kepada golongan sasaran.

Harapan saya, marilah kita sama-sama memainkan peranan dan tanggungjawab terhadap pembangunan dan pemeliharaan komuniti-komuniti setempat di negara kita yang terdiri daripada berbilang kaum ini agar ianya dapat dimanfaat secara bersama.

Sekian, terima kasih.

YB Dr Haji Abdul Rahman Haji Junaidi  
Menteri Muda Utiliti (Bekalan Elektrik) Sarawak  
Ahli Dewan Undangan Negeri N.4 Pantai Damai .

# PRAKATA

Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian menelaah buku bergambar "Siri Jelajah Komuniti Borneo" ini. Buku ini merupakan gambaran perjalanan kajian komuniti yang dijalankan oleh Institut Pengajian Borneo (IPB), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

Tahun 2012 merupakan perjalanan pertama "Siri Jelajah Komuniti Borneo" ini dilakukan di Kampung Salak yang terletak berdekatan dengan Kawasan Santubong, Kuching. Pada ketika itu, Kampung Salak diterajui oleh Allahyarham Penghulu Haji Bujang Sum bin Haji Drahim dan Ketua Kaum Allahyarham Abu Bakar Bin Gojeng. Pada ketika itu, kampung ini berada dalam keadaan yang sangat daif kerana ketiadaan sumber tenaga elektrik, tiada bekalan air yang bersih, disamping prasarana yang sedia ada dalam keadaan yang menyedihkan. Adalah menjadi hasrat daripada kedua-dua pemimpin tersebut untuk melihat perubahan yang boleh dicetuskan melalui kajian yang dijalankan oleh pihak UNIMAS. Sehubungan dengan itu, UNIMAS telah berusaha dan berjaya menghasilkan laporan penyelidikan ringkas yang mengutarkan beberapa perkara. Antaranya termasuklah keperluan tenaga elektrik, bekalan air bersih dan beberapa prasarana untuk menaikkan taraf kualiti hidup penduduk Kampung Salak.

Alhamdulillah, berkat usaha murni daripada pelbagai pihak yang berwajib, serta tindakan bijaksana daripada pemimpin-pemimpin (YB Datuk Seri Wan Junaidi, YB Dr Haji Abdul Rahman, Penghulu Haji Wahid dan KK Encik Ismail) yang

bertanggungjawab, akhirnya Kampung Salak kini telah diterangi dengan cahaya elektrik dan sambungan bekalan air. Di samping itu juga, banyak pembangunan untuk penambahbaikan prasarana kampung telah dapat dinikmati oleh penduduk kampung sehingga kampung ini telah memenangi dua 'Anugerah Kejiranan Mesra' kategori keindahan dan kebersihan di peringkat bahagian Kuching pada tahun 2015 dan 2016.

Oleh sebab demikian, pihak IPB UNIMAS telah menjadikan Kampung Salak sebagai komuniti rintis bagi kajian komuniti Borneo dalam menghasilkan sebuah instrumen untuk mengukur indeks komuniti. Instrumen ini adalah merupakan instrumen yang pertama dicipta untuk mengukur prestasi kampung-kampung di negeri Sarawak. Ia bertujuan untuk mendapatkan maklumat-maklumat utama berkenaan komuniti setempat yang meliputi sosio-ekonomi, infrastruktur, keagamaan dan sebagainya. Kajian ini juga dilakukan selari dengan bidang tujuan UNIMAS iaitu untuk tujuan transformasi dan melestarikan komuniti luar bandar.

Akhir kata, semoga buku "Siri Jelajah Komuniti Borneo" ini dapat memberi pengetahuan terutamanya gambaran terhadap komuniti yang telah disasarkan.

Profesor Datuk Dr Mohamad Kadim bin Suaidi  
Naib Canselor  
Universiti Malaysia Sarawak

# SIDANG PENGARANG

## PENAUNG

Profesor Dato' Dr Mohamad Kadim bin Suaidi

## PENASIHAT

Profesor Dr Kopli bin Bujang

## PENGARANG

Profesor Dr Sharen Ahmad Zaidi Adruce

Abg Mohd Heikal bin Abg Othman

Nur Adila binti Latif

Dayang Siti Aisah binti Abang Suhaili

Donald anak Stephen

Alexandra Nastassia binti John


## PEREKA GRAFIK

Nur Adila binti Latif

## GAMBAR

Arkib Gambar Institut Pengajian Borneo





Kanak-kanak Kampung Salak sedang bermain dengan memakai topeng Jalur Gemilang.



# ISI KANDUNGAN

PENGENALAN	6
SEJARAH	13
PENEMPATAN	16
KEMUDAHAN	18
SOSIOEKONOMI	35

# PENGENALAN


PETA KAMPUNG SALAK  
TENTANG KAMPUNG SALAK  
SEJARAH  
POLA PENEMPATAN



## MAKLUMAT AM

Lokasi	: 1.666667, 110.283333
Koordinat GPS	: 1°40' 00"N 110°17' 00"E
Kawasan Parlimen	: P193 Santubong
Dewan Undangan Negeri	: DUN N04 Pantai Damai
Bilangan Rumah	: 106
Saiz Penduduk	: 626
Anggaran Saiz Kampung	: 12 ekar
Tahun Kampung diwujudkan	: 1517
Anggaran Jangka hayat Penduduk	: 71.6 tahun

## PETA KAMPUNG



## PETA PULAU DARI PANDANGAN ATAS



## PETA PULAU

Kampung Salak
Kuari
Tanah Perkuburan Islam Munggu Kudi, Sungai Tiram

## PETA KAMPUNG

C	Masjid Darul Muslimin	Pdg.	Padang
DWN.	Dewan Serbaguna	Sek.	Sekolah Kebangsaan Salak
TABIKA	TABIKA KEMAS	📍	Sangkar Ikan
J	Jeti Utama	🌙	Tanah Perkuburan Islam Munggu Temiang

# TENTANG KAMPUNG SALAK




Pemandangan menghampiri Kampung Salak.

Kampung Salak atau lebih sinonim dengan panggilan Pulo Salak oleh penduduk tempatan merupakan sebuah pulau yang terletak di Salak Land District, Kuching, Sarawak.

Pulau ini berketinggian purata satu meter di atas paras laut. Kampung ini didiami oleh 106 buah keluarga yang rata-ratanya terdiri daripada kaum Melayu. Kebanyakan penduduk mempunyai pertalian keluarga antara satu sama lain.

Perjalanan menuju ke Kampung Salak ini mengambil masa antara 15 ke 20 minit dengan menaiki bot dari Pangkalan Ulu Sungai Daun. Di pangkalan ini, terdapat sebuah pondok persinggahan yang dibina untuk kegunaan nelayan dan pengunjung. Pondok berkenaan dibina untuk kemudahan menunggu bot untuk ke Kampung Salak. Tambang bot untuk perjalanan ulang-alik ke pulau ini adalah sekitar RM80 ke RM100 (sewa untuk sebuah bot) dengan kapasiti lapan hingga 10 penumpang. Sepanjang perjalanan terdapat pemandangan yang sungguh menarik. Antaranya, pengunjung dapat melihat aktiviti utama penduduk setempat yang keluar untuk


menangkap hasil laut. Terdapat banyak bot-bot kecil dan beberapa kapal tunda yang berada di sekitar perairan pulau ini. Ada antara mereka yang menangkap ikan, menangkap ketam dan mencandat sotong. Dari jauh kelihatan juga pokok hutan seperti pokok nipah (*Nypa fruticans*), bakau, api-api, teruntum, dungun, perpat, buta-buta dan beberapa lagi spesis tumbuhan yang tumbuh di sepanjang sungai menuju ke Pulau Salak. Pemandangan sepanjang perjalanan ini mampu memberi gambaran kepada pengunjung tentang kehidupan penduduk di Kampung Salak.



Laluan perjalanan ke Kampung Salak melalui Pangkalan Ulu Sg. Daun.



Jeti Pangkalan Ulu Sg. Daun



Jambatan Sg. Loba Pelait yang akan dilalui semasa dalam perjalanan ke Kampung Salak.



Kuari yang terletak di belakang Kampung Salak.



Bot-bot nelayan.



Sesampainya di kampung ini, pengunjung dapat melihat rumah-rumah yang terletak di tebing sungai. Kebanyakan rumah yang terletak di tebing sungai ini memiliki jeti masing-masing.




Pandangan dari atas jeti utama Kampung Salak.



Jeti utama Kampung Salak.




Pemandangan dari Masjid Darul Muslimin Kampung Salak.



# SEJARAH

## SEJARAH



Perkampungan Melayu tradisional yang telah wujud berkurun lamanya.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan bersama penghulu, ketua kaum dan orang lama di Kampung Salak, kampung ini dipercayai telah wujud sekitar tahun 1517, iaitu lebih kurang 500 tahun yang lalu. Mengikut kerangka masa, pada zaman itu Sarawak berada di bawah pemerintahan kerajaan Majapahit dan Melaka pula berada di bawah pemerintahan Portugis.

Pulau yang berkeluasan kira-kira 2692 hektar persegi ini mempunyai dua buah gunung yang dikenali sebagai Gunung Salak dan Gunung Sambung. Persisiran kaki gunung-gunung ini dikelilingi oleh paya bakau, pokok nipah, dan perpat.

Menurut cerita yang diturunkan daripada generasi ke generasi, kampung ini mula diterokai oleh empat orang pedagang Bugis iaitu Daeng Chambok, Daeng Diok, Daeng Ali, dan Daeng Bedu.

Berdasarkan cerita yang diturunkan daripada generasi ke generasi sehingga kini, Kampung Salak dinamakan sempena nama pokok salak, iaitu pokok hutan yang berduri yang masih terdapat di sekitar pulau tersebut. Terdapat juga versi lain tentang asal-usul nama kampung ini, iaitu, sewaktu pedagang Bugis berempat tersebut berada di pulau ini, mereka dikejutkan dengan salakan seekor anjing yang garang. Menurut orang tua-tua, anjing tersebut merupakan jelmaan penunggu Pulau Salak pada zaman tersebut.



Tapak perkuburan lama yang menempatkan sebuah kubur Bugis (Kubur Daeng Diok).

Kampung Salak mempunyai peninggalan kesan sejarah yang masih wujud di pulau ini seperti sebuah kubur Bugis, dan pokok salak yang masih ada sehingga hari ini. Kawasan persekitaran pulau ini juga dikatakan menjadi lokasi pertapaan bagi penuntut seni mempertahankan diri, seperti silat.

Selain itu, diceritakan juga pulau ini pernah didatangi oleh lanun pada suatu ketika dahulu. Penduduk kampung pada masa tersebut menyembunyikan diri dan harta benda mereka di dalam gua yang dikenali sebagai Gua Nek Abon. Walau bagaimanapun, akibat kerja-kerja perusahaan kuari batu yang telah beroperasi di pulau ini sejak kira-kira 30 tahun yang lalu, akhirnya gua tersebut telah tertimbus.



Kubur Daeng Diok.

Penempatan asal kampung ini bermula di mana empat pedagang Bugis itu mendarat, iaitu di bahagian selatan Pulau Salak, yang lebih dikenali sebagai kawasan Haji Wahid bin Saruddin (antara penduduk awal Kampung Salak). Pada masa itu, hanya terdapat beberapa buah rumah sahaja yang ada di kampung ini. Sekitar penghujung tahun 1890, susunan rumah penduduk di kampung ini bertaburan mengikut tanah yang diterokai masing-masing untuk bercucuk tanam. Sehingga pada tahun 1899, kawasan kampung diperluaskan lagi apabila penduduk ingin membesarakan kawasan berkenaan dengan meneroka tanah dari semasa ke semasa.

Lokasi asal kubur pada zaman tersebut terletak di seberang pulau, yang dikenali sebagai Tanah Perkuburan Munggu Kudi, Sungai Tiram. Tanah perkuburan tersebut mula diterokai dan diwakafkan oleh Haji Wahid bin Saruddin.

Pada sekitar tahun 1900, penduduk berpindah ke arah utara pulau (penempatan penduduk sekarang). Semasa perpindahan, surau kedua telah didirikan di kawasan hulu kampung. Surau kampung ini telah melalui beberapa fasa pembinaan dan penambahbaikan sehingga menjadi masjid sekarang. Masjid ini dinamakan Masjid Darul Muslimin dan telah dirasmikan oleh Datuk Abang Abu Bakar bin Datuk Bandar Abang Mustapha. Pada masa itu, tanah perkuburan

baharu yang dikenali sebagai Munggu Temiang juga telah diterokai sewaktu perpindahan penduduk ke kawasan baharu.


Semasa zaman pendudukan Jepun di Sarawak, kampung ini pernah didiami oleh tentera Jepun. Ketika itu seorang penduduk kampung telah dilantik oleh tentera Jepun sebagai mata-mata bagi mengawasi penduduk kampung ini, iaitu Allahyarham Ali bin Sami. Pada masa itu, ada antara penduduk yang takut dengan tentera Jepun telah berpindah ke kawasan seberang Pulau Salak, iaitu di Metang Aman Ulu Nipah, Metang Poa Lumut, Pergam Besar, Metang Ribo, Pelaik, Metang Acong, Metang Pelajo, Sungai Getah, Metang Berapit, Sungai Enggang, Metang Sungai Labok, Metang Alam dan Pendam di Sungai Gelugor. Penduduk yang berpindah ke kawasan berkenaan menjelajah sekitar kawasan untuk mencari sumber makanan termasuk menjalankan aktiviti seperti bercucuk tanam di kawasan tersebut sehingga berakhirnya zaman pendudukan tentera Jepun.



Pokok salak.

# POLA PENEMPATAN KAMPUNG SALAK

Susun atur rumah di Kampung Salak adalah rapat tapi tersusun. Oleh kerana kampung ini dipenuhi dengan kawasan berbukit curam, kebanyakan rumah di kampung ini bertiang dan diperbuat daripada kayu serta dibina berdekatan dengan sungai. Namun begitu, terdapat juga beberapa buah rumah yang dibina di atas bukit.



Pemandangan Kampung Salak daripada laluan Sungai.

## PEMILIKAN TANAH

Pada tahun 2015, hampir kesemua keluarga di Kampung Salak telah menerima Surat Hak Milik Kampung Tradisi yang memberikan mereka hak ke atas tanah lot masing-masing. Kampung Salak merupakan di antara 87 buah kampung tradisional di Kuching yang telah diberikan hak

milik tanah di bawah Seksyen 18 Kanun Tanah Negeri daripada Jabatan Tanah dan Survei Negeri Sarawak, oleh Yang Berhormat Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan, dan turut hadir. Yang Berhormat Dr. Haji Abdul Rahman Junaidi. Penyerahan hak milik tanah ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kualiti hidup penduduk dari segi sosial dan ekonomi.



## LALUAN KONKRIT

Manakala, laluan di kawasan darat atau berdekatan bukit dibina dengan konkrit.

*Laluan konkrit di kawasan darat.*



## LALUAN JETI

Rumah-rumah yang terletak di kawasan paya dihubungkan oleh jambatan yang dibina dengan kayu.

► *Laluan jeti yang menghubungkan rumah-rumah di kawasan paya.*

# KEMUDAHAN AWAM



PINTU GERBANG  
PADANG  
SEKOLAH RENDAH  
PRA-SEKOLAH  
TABIKA  
MASJID  
PERPUSTAKAAN  
DEWAN SERBAGUNA  
BEKALAN ELEKTRIK  
CAPAIAN INTERNET  
BEKALAN AIR



Kanak-kanak Kampung Salak berteduh daripada hujan selepas waktu sekolah.

# PINTU GERBANG

Pintu gerbang merupakan salah satu daripada keunikan Kampung Salak. Pintu-pintu gerbang yang dibina dengan pelbagai rekabentuk telah menonjolkan nilai seni dan kreativiti penduduk di kampung ini.



*Pintu gerbang di antara zon tengah dan zon hulu.*



*Pintu gerbang menuju ke Dewan Serbaguna Kampung Salak.*

## ZON KAMPUNG ULU, TENGAH, HILIR

Kampung ini dibahagikan kepada beberapa zon yang terdiri daripada zon ulu, tengah dan hilir. Selain itu, setiap zon juga dibahagikan kepada kumpulan-kumpulan yang dinamakan sempena nama-nama ikan. Zon-zon dan kumpulan-kumpulan tersebut dipisahkan dengan pintu gerbang yang dibina di sepanjang laluan dalam kampung ini.